

29 JUL 2003

DELEGASI PERNIAGAAN JEPUN TEMUI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan delegasi Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) dan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun Malaysia (Jactim) di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Rombongan itu, yang terdiri 60 pegawai kanan mewakili 47 syarikat, berada di sini untuk misi perniagaan selama tiga hari bermula semalam.

Sebelum pertemuan itu, lapan anggota delegasi itu diketuai pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Jetro, Osamu Watanabe, telah mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya.

Semalam, rombongan itu menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ahli-ahli rombongan itu turut mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil industri kecil dan sederhana tempatan selain melawat beberapa kilang.

-- BERNAMA

RIZ MAI